

MAKLUMAT DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

PROGRAM TREASURE HUNT BERSEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MPOB

1.0 NAMA

- 1.1 Program ini adalah pertandingan Treasure Hunt secara berkenderaan sempena Sambutan 25 Tahun MPOB.

2.0 KELAYAKAN DAN YURAN PENYERTAAN

- 2.1 Penyertaan terbuka kepada:

- a) Warga Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK)
- b) Warga Agensi-agensi di bawah KPK
- c) Rakan Strategik MPOB
- d) Wakil Media
- e) Warga MPOB

yang sihat tubuh badan dan bersedia mengikuti aktiviti fizikal ringan.

- 2.2 Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada empat (4) orang peserta sahaja.

- 2.3 Yuran penyertaan ialah RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ringgit Sahaja) bagi setiap pasukan.

- 2.4 Setiap peserta akan dibekalkan dengan T-Shirt rasmi program yang wajib dipakai sepanjang program berlangsung.

- 2.5 Pihak Penganjur tidak menyediakan kenderaan. Semua pasukan hendaklah menggunakan kenderaan sendiri yang berdaftar dan dalam keadaan selamat.

2.6 KAEDAH PEMBAYARAN

Bayaran boleh dibuat secara atas talian (TT) ke akaun seperti berikut;

Nama : Kelab Sukan dan Sosial MPOB (KSSM)
Bank : CIMB Bank Berhad
No. akaun : 8002 8777 20 atau QR di bawah
Remarks : Treasure Hunt MPOB



Peserta diminta menulis NAMA KUMPULAN dan satu nombor telefon ahli pasukan pada resit / slip bayaran sebelum 11 Julai 2025 (Jumaat).

Bukti pembayaran hendaklah dihantar melalui WhatsApp ke nombor:

010-553 2067 (Pn Siti Nur Ain).

3.0 PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT

3.1 Setiap pasukan hendaklah mengisi borang melalui pautan QR pendaftaran yang disediakan serta mengesahkan penyertaan secara rasmi. Borang penyertaan yang lengkap hendaklah dilampirkan bersama resit bayaran sebagai bukti pembayaran yuran dan diserahkan kepada pihak penganjur selewat-lewatnya pada/sebelum 11 Julai 2025.

3.2 Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli pasukan perlu hadir ke sesi pengesahan penyertaan dan taklimat pertandingan yang dijadualkan pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 30 Julai 2025 (Rabu)

Masa : 2.30 petang

Tempat: Dewan Bactris, Ibu Pejabat MPOB Bangi.

3.3 Pasukan yang tidak menghadiri taklimat tanpa alasan munasabah akan dianggap menarik diri dan penyertaan akan dibatalkan. **Yuran penyertaan tidak akan dikembalikan.**

3.4 Semua peserta hendaklah berada di tempat pelepasan di Perkarangan Bangunan Pusat Maklumat Sawit (PMS), Ibu Pejabat MPOB sebelum jam 7.30 pagi pada 2 Ogos 2025 (Sabtu).. Pelepasan rasmi akan bermula pada jam 8.30 pagi,

4.0 FORMAT ACARA

4.1 Semua pasukan wajib mematuhi undang-undang jalan raya dan peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh pihak penganjur pada setiap masa sepanjang pertandingan ini berlangsung.

4.2 Acara Treasure Hunt ini akan dijalankan secara 'Digital Drive Hunt', menggunakan panduan arah lokasi (Road Tulips) dan soalan lokasi (Road Clues) secara dalam talian. Peserta perlu mengimbas kod QR semasa pelepasan dan akan menerima pautan ke 'tulips' serta 'clues' terus ke telefon bimbit.

4.3 Untuk mengenal pasti setiap lokasi soalan, pasukan perlu:

- Menekan pautan yang diberikan selepas mengimbas QR Code;
- Pautan akan membawa pasukan ke aplikasi Waze untuk navigasi ke lokasi misteri;
- Setelah tiba di lokasi, pasukan perlu membaca dan menjawab soalan yang disediakan.
- Secara keseluruhan, setiap pasukan akan melalui empat (4) hingga lima (5) lokasi sepanjang pertandingan.

4.4 Penyerahan jawapan bagi soalan Lokasi adalah secara atas talian. Selepas menamatkan semua lokasi, ketua pasukan atau wakil perlu menghantar jawapan melalui Google Form yang disediakan oleh urus setia.

- 4.5 Untuk aktiviti Pencarian Harta Karun (Treasure Items), setiap pasukan akan dibekalkan dengan beg harta karun (Treasure Bag) yang mengandungi set soalan khas. Pasukan perlu mencari dan mengumpulkan barang yang dinyatakan sebagai "Treasure Items", dan menyerahkan barang tersebut secara fizikal di garisan penamat.

5.0 SISTEM PEMBERIAN MARKAH DAN PENENTUAN PEMENANG

- 5.1 Penentuan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur berdasarkan sistem pemarkahan yang merangkumi kriteria berikut:

- a. Ketepatan dan kelengkapan jawapan bagi Treasure Hunt Online Submission) Penyerahan Barangan Harta Karun yang betul
- b. Kecepatan masa menyelesaikan keseluruhan tugasan;
- c. Kerjasama dan semangat berpasukan semasa pertandingan; dan
- d. Aspek tambahan lain yang ditentukan oleh penganjur dari semasa ke semasa

- 5.2 Keputusan yang diumumkan oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

6.0 HADIAH

- 6.1 Hadiah Pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : RM 1000.00

Naib Johan : RM800.00

Ketiga : RM 600.00

Ke-4 hingga ke-15 : Hadiah wang tunai

7.0 HAL-HAL LAIN

- 7.1 Pihak Penganjur berhak membatalkan acara ini pada bila-bila masa jika perlu Sekiranya berlaku, yuran penyertaan akan dikembalikan sepenuhnya kepada pasukan yang telah mendaftar.

- 7.2 Yuran penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya pasukan telah berdaftar menarik diri atas kehendak sendiri.

- 7.3 Pihak penganjur berhak mengambil tindakan seperti berikut atas budi bicara penuh:

- 7.3.1 Menolak sebarang penyertaan samada semasa atau selepas penerimaan borang permohonan;

- 7.3.2 Melarang atau membatalkan penglibatan mana-mana peserta daripada menyertai pasukan yang didaftarkan;

- 7.3.3 Membatalkan kelayakan mana-mana pasukan yang didapati melakukan kesalahan berikut:

- 7.3.3.1 Melanggar peraturan pertandingan, undang-undang jalan raya dan peraturan lalu lintas;

- 7.3.3.2 Berpakat untuk menipu dalam apa cara; Memberi maklumat tidak tepat/palsu;

7.3.3.3 Gagal menyempurnakan acara dalam tempoh masa yang ditetapkan.

7.3.4 Pihak penganjur berhak meminda atau menambah peraturan pertandingan dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan atau peraturan tambahan akan dimaklumkan semasa sesi taklimat rasmi sebelum pelepasan. Interpretasi serta keputusan penganjur berkaitan pertandingan adalah muktamad dan semua peserta adalah tertakluk kepada keputusan tersebut.

7.3.5 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko seperti kemalangan, kecederaan, kehilangan, kerugian dan sebagainya kepada mana-mana peserta sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini berlangsung.

7.3.6 Insurans berkelompok bagi perlindungan asas peserta sepanjang program akan disediakan oleh pihak penganjur.

8.0 PENGANJUR

8.1 Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

Urus Setia

TREASURE HUNT BERSEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MPOB

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

No, 6 Persiaran Institusi,

Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor.

En. Syed Mohd Hazry Syed Hamid (012-598 3969)

En. Aedham Asmaon (012-778 5852)

8.2 Borang penyertaan boleh diakses dengan mengimbas QR di bawah.

